

Corak Masyarakat yang Sihat

Tiap-tiap orang yang sedar dan insaf, sangat-sangat ingin dan cintakan kepada suatu pembinaan masyarakat yang damai dan sihat. Sihat dalam erti kata keseluruhannya. Dan memang tak dapat dinafikan juga kecintaannya kepada suatu masyarakat yang tidak ada sebarang pengaruh atau anasir-anasir yang berbahaya, yang akan menodai kesuciannya.

(oleh: Muhammad Sulbi, Kedah)

Bagi membentuk masyarakat yang cukup sempurna sebagaimana yang dicita-citakan itu, bukanlah satu soal yang mudah. Malah merupakan soal yang meminta perhatian dan pertimbangan seluruh anggotanya. Keadaan corak masyarakat kita selamanya tidak akan bersifat sihat dan sempurna, seandainya tidak ada dan tidak tertanam perasaan bertanggungjawab dan saling membantu setiap orang dari berbagai lapisan. Kerana itu haruslah terlebih dahulu perasaan-perasaan tersebut ditanamkan ke dalam jiwa dan diamalkan selalu oleh setiap anggota masyarakat kita. Dan dengan adanya amalan dan perasaan yang tersebut baharulah kita dapat menyingkirkan bibit-bibit yang mungkin merebakkan penyakit kepada masyarakat kita.

Oleh kerana pembinaan masyarakat yang demikian itu adalah memerlukan tanggungjawab ramai, maka tidaklah kan terbentuk mengikut semestinya, kalau tidak dengan adanya rasa persefahaman dan saling mengerti antara golongan-golongan rakyat dengan pihak pemerintah.

Sekarang biarlah kita tinjau secara sepintas lalu, apakah masyarakat yang sihat itu? Bagaimana pula kedudukan masyarakat bangsa kita dewasa ini?

Sebenarnya sihat atau tidaknya sesuatu masyarakat itu, tertanggunglah kepada sikap dan keadaan-keadaan anggotanya sendiri, kalau mereka sihat maka sihatlah masyarakat itu dan begitulah pula sebaliknya. Kesimpulannya yang menentukan corak masyarakat itu hanyalah keadaan dan latar belakang anggota-anggotanya itu sendiri.

Ditinjau sepintas lalu dari garis-garis kasarnya nyatalah bahawa keadaan masyarakat kita dewasa ini sedang berada di ambang pintu kepincangan di dalam serba serbinya. Hal ini kalau dibiarkan sudah tentu akan mendapat bahaya dan bencana.

Kita merasai kagum apabila meninjau kembali ke dalam masyarakat Melayu lama. Walaupun tidak sampai kesanggupan kita membuat pengakuan secara langsung tetapi sekurang-kurangnya berani kita menegaskan bahawa keadaannya adalah lebih baik dari sekarang. Suatu gambaran keperibadian yang harus kita contohi sekarang ialah kebiasaan yang merupakan adat gotong-royong yang masih diwarisi hingga sekarang ini oleh setengah golongan-golongan tertentu. Inilah yang harus kita

galakkan dan memperkembangkannya.

Sebagaimana ditegaskan tadi, bahawa dalam menentukan corak sesuatu masyarakat itu hanyalah tergantung kepada latar belakang anggota-anggotanya. Seyogianya diingat, dalam hal ini angkatan mudalah lebih ditunjukkan maksud di atas. Lebih tegas dikatakan corak sesuatu masyarakat adalah mengikut gelagat peribadi pemudanya. Kerana itu memang pada tempatnya kalau dikatakan pemuda pemudi mempunyai peranan yang penting bagi menukar warna dan corak masyarakatnya.

Pada waktu yang akhir-akhir ini jelas kelihatan kejatuhan akhlak dan peribadi pemuda pemudi kita. Tidak jarang pula kedapatan ada yang sanggup melakukan hal-hal yang mencolok mata. Dengan terang-terangan mereka sudah berani melanggar adab tertib, berani melanggar sifat-sifat mulia dan budi bahasa yang halus. Pendeknya berani menodai keperibadian-keperibadian Timur! Ini adalah disebabkan pengaruh-pengaruh yang banyak didatangkan dari negara Barat, yang sudah tentu pula berlainan kebudayaan dan cara hidupnya!

Seperkara yang seyogianya diingat bahawa untuk mengubat suatu hal yang sesulit ini bukannya suatu usaha yang gampang sahaja, tetapi juga memerlukan tenaga usaha yang lebih giat dan berlipat ganda. Bagaimanakah langkah-langkah yang harus kita majukan? Rasa saya cara yang lebih memberi kesan dalam soal ini, ialah tak lain dari mengadakan usaha memperbaiki.

Memadaikah dengan hanya suatu cara itu sahaja? Padahal masyarakat memerlukan dokongan bersama dari

seluruh anggota-anggotanya? Bahkan itulah yang menjadi tugas atau kemestian kita bersama!

Soal ini juga harus meminta perhatian Seluruhnya. Kerana menyerahkan tugas ini kepada sesuatu pihak sahaja, seperti pihak pemerintah sahaja tidaklah bererti ada jaminan. Oleh yang demikian patutlah dimajukan cara-cara yang telah diterangkan atau dengan apa sahaja cara yang betul-betul digunakan secara amalan, yang benar-benar bercita-cita membina. Dengan demikian itu baharulah keadaan masyarakat kita dapat berubah, di samping menuju kepada tingkatan peradaban kemajuan, maka akan terbentuklah suatu masyarakat yang bercorak sihat dan sempurna mengikut sebagaimana yang dicita-citakan.

Apabila corak masyarakat telah sihat, maka sudah barang tentulah turut sama sihat kebudayaan sejati, dan menepati kata-kata sakti: "Kebudayaan Nilai Bangsa!"

Anak Ketua Munafik

Munafik, ertinya orang yang bermuka dua. Munafik yang terkenal di dalam sejarah Islam ialah 'Abd Allāh ibn Ubay. Perbuatannya menyebabkan turun beberapa ayat Tuhan, tetapi anaknya Ḥabbāb, bukan munafik bahkan seorang syuhada yang mengorbankan segala-galanya untuk Allah dan Rasul-Nya.

Baca ceritanya dalam Sejarah Syuhada Islam yang kedelapan.

Senaskah 50 sen *post* 10 sen.